



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENDEKATAN STRATEGIK PELBAGAI MEDIA DAN PENDEKATAN
PENGEMBANGAN KONVENSIONAL DALAM PROGRAM
PENGEMBANGAN PERTANIAN:
SATU ANALISIS PERBANDINGAN**

JAMALUDIN BIN YUSOFF

FBMK 1994 1



**PENDEKATAN STRATEGIK PELBAGAI MEDIA DAN PENDEKATAN
PENGEMBANGAN KONVENSIONAL DALAM PROGRAM
PENGEMBANGAN PERTANIAN:
SATU ANALISIS PERBANDINGAN**

Oleh

JAMALUDIN BIN YUSOFF

MASTER SAINS

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

SEPTEMBER, 1994



**PENDEKATAN STRATEGIK PELBAGAI MEDIA DAN PENDEKATAN
PENGEMBANGAN KONVENSIONAL DALAM PROGRAM
PENGEMBANGAN PERTANIAN:
SATU ANALISIS PERBANDINGAN**

Oleh

JAMALUDIN BIN YUSOFF

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk Mendapatkan
Ijazah Master Sains
di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan,
Universiti Pertanian Malaysia**

SEPTEMBER, 1994



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurniaNyaalah tesis ini dapat disediakan dan disiapkan. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ingin dirakamkan di sini kepada Dr. Md. Salleh Hj. Hassan selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan serta kepada ahli jawatankuasa penyeliaan yang lain iaitu Dr. Ibrahim Mamat dan Encik Mohd Hanim Mohd Tahir keatas segala nasihat, bimbingan, panduan dan kritikan konstruktif yang telah dihulurkan. Penghargaan turut juga ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Hj. Mohd Fadzilah Hj. Mohd Kamsah, Dr. Hj. Azimi Hj. Hamzah, Dr. Narimah Ismail, Puan Saodah Wok, Dr. Mazanah Muhamad serta pensyarah-pensyarah Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan (PPPL) yang lain di atas segala dorongan dan komen yang berharga yang telah diberikan semasa proses penyediaan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Pertanian Negeri Kedah, khusus-



nya kepada Encik Zabidi Dun, Encik Balya Endut dan pegawai lain yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas segala kerjasama, kemudahan dan bantuan tenaga yang telah diberikan semasa kajian ini dijalankan.

Kepada Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah meluluskan cuti belajar bergaji penuh dan memberikan biasiswa bagi membolehkan saya mengikuti program ijazah lanjutan ini, saya rakamkan di sini ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada kedua-duanya.

Akhir sekali, tidak lupa juga dirakamkan penghargaan yang tidak ternilai kepada isteri saya, Rossitah Hj. Mohd yang telah banyak membantu dalam kerja menaip tesis ini dan memberi sokongan moral dan pengorbanan. Kepada anak saya Mohd Hafiz, Muhammad Hamzi dan Muhammad Hadhrami, kesabaran dan pengorbanan mereka selama ini turut dihargai.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xviii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pendekatan Pengembangan Konvensional Jabatan Pertanian	2
Pendekatan Pengembangan Baru Strategik Pelbagai Media	5
Kenyataan Masalah	8
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Skop dan Limitasi Kajian	13
2 SOROTAN LITERATUR	15
Komunikasi dan Pembangunan	15
Konsep Komunikasi Masa Lalu	16
Konsep Baru Komunikasi	19
Teori Kesan Komunikasi	23
Proses Peresapan Inovasi Dan Penerimaan Guna	24



Kesan Jurang Komunikasi	26
Strategi Mengatasi Kesan Jurang Komunikasi	29
Pendekatan Strategik Pelbagai Media Dalam Perlaksanaan Program Dan Aktiviti Komunikasi Dan Pengembangan	32
Rasional Penggunaan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	33
Faktor-Faktor Penting Dalam Perancangan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	38
Pengalaman Program-Program Pendekatan Strategik Pelbagai Media Yang Telah Dilaksanakan	42
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesan Komunikasi Serta Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengannya	47
Ciri-Ciri Penerima	48
Ciri-Ciri Komunikasi	51
Ciri-Ciri Inovasi	52
3 METHODOLOGI KAJIAN	55
Rangka Konsep Kajian	55
Definisi Operasional Angkubah- Angkubah Kajian	58
Angkubah Bebas	58
Angkubah Bergantung	62
Hipotesis Kajian	64

Kawasan Kajian	66
Program Pengembangan Pendekatan Strategik Pelbagai Media Limau Bali, Mukim Temin, Kubang Pasu	67
Program Pengembangan Pendekatan Pengembangan Konvensional Limau Bali, Mukim Pedu, Padang Terap	69
Pemilihan Responden	70
Instrumen Kajian	74
Prauji Soalselidik	75
Ujian Kebolehpercayaan	76
Pengumpulan Data	76
Analisis Data	76
4 HASIL KAJIAN	80
Ciri Demografi Responden	81
Umur	81
Taraf Pelajaran	82
Taraf Pendapatan Bulanan	83
Penglibatan Dalam Pertubuhan	86
Perlakuan Komunikasi Responden	89
Pendedahan Kepada Media Massa	89
Perhubungan Dengan Agen Pengembangan	94
Perhubungan Dengan Rakan Petani	95
Tanggapan Petani Terhadap Penggunaan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	97

Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Dan Media Massa Program Strategik Pelbagai Media	100
Status Pengetahuan, Sikap dan Amalan.....	105
Pengetahuan	107
Sikap	108
Amalan (Penerimaan Guna)	110
Analisis Hipotesis Kajian	112
Perkaitan Antara Pengetahuan Mengenai Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Beberapa Ciri Demografi	112
Perkaitan Antara Pengetahuan Mengenai Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Perlakuan Komunikasi	115
Perkaitan Antara Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Beberapa Ciri Demografi	116
Perkaitan Antara Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Perlakuan Komunikasi	119
Perkaitan Antara Sikap Terhadap Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Beberapa Ciri Demografi	121
Perkaitan Antara Sikap Terhadap Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Perlakuan Komunikasi	123
Perkaitan Antara Tanggapan Terhadap Penggunaan Pendekatan Strategik Pelbagai Media Dan Pengetahuan, Sikap Serta Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	126



Perkaitan Antara Pengetahuan Mengenai Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Dan Media Program Pelbagai Media Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	127
Perkaitan Antara Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Dan Media Program Pelbagai Media Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media.....	128
Perkaitan Antara Sikap Terhadap Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Dan Media Program Pelbagai Media Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	131
Perbandingan Status Pengetahuan, Sikap Dan Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Antara Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media Dan Kawasan Pendekatan Pengembangan Konvensional	132
Fenomena Kesan Jurang Komunikasi	134
5 RINGKASAN, KESIMPULAN DAN IMPLIKASI	139
Ringkasan	139
Masalah	139
Objektif Kajian	140
Methodologi	142
Hasil Kajian	143



Kesimpulan	153
Implikasi	156
Cadangan	160
Cadangan Umum	160
Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	161
RUJUKAN	163
LAMPIRAN	171
BUTIR DIRI	187



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Taburan Responden Kajian	73
2 Taburan Responden Mengikut Umur	82
3 Taburan Responden Mengikut Taraf Pelajaran (Jenis Sekolah)	84
4 Taburan Responden Mengikut Taraf Pelajaran (Jumlah Tahun Persekolahan)	84
5 Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan	86
6 Taburan Responden Mengikut Penglibatan Dalam Persatuan/Pertubuhan Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	88
7 Taburan Responden Mengikut Penglibatan Dalam Persatuan/Pertubuhan Di Kawasan Pendekatan Pengembangan Konvensional	89
8 Taburan Responden Mengikut Skor Penglibatan Dalam Persatuan/Pertubuhan	90
9 Taburan Responden Mengikut Pendedahan Kepada Media Massa Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	92
10 Taburan Responden Mengikut Pendedahan Kepada Media Massa Di Kawasan Pendekatan Pengembangan Konvensional	93
11 Taburan Responden Mengikut Jumlah Skor Pendedahan Kepada Media Massa	93
12 Taburan Responden Mengikut Keperluan Perhubungan Dengan Agen Pengembangan	95
13 Taburan Responden Mengikut Keperluan Perhubungan Dengan Rakan Petani Mereka	97

14	Taburan Responden Mengikuti Tanggapan Terhadap Penggunaan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	101
15	Taburan Responden Mengikuti Jumlah Skor Tanggapan Terhadap Penggunaan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	103
16	Taburan Responden Mengikuti Jumlah Skor Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Antara Perseorangan Di Kawasan Pendekatan Pelbagai Strategik Media	105
17	Taburan Responden Mengikuti Jumlah Skor Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Media Massa Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	106
18	Taburan Responden Mengikuti Jumlah Skor Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Dan Media Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	106
19	Taburan Responden Mengikuti Jumlah Skor Pengetahuan Mengenai Teknologi Penanaman Limau Bali Yang Disyorkan	108
20	Taburan Responden Mengikuti Jumlah Skor Sikap Terhadap Teknologi Penanaman Limau Bali Yang Disyorkan	110
21	Taburan Responden Mengikuti Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Yang Disyorkan	112
22	Perkaitan Antara Pengetahuan Mengenai Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Beberapa Ciri Demografi Responden	114
23	Perkaitan Antara Pengetahuan Mengenai Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Perlakuan Komunikasi Responden	117
24	Perkaitan Antara Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Beberapa Ciri Demografi	119



25	Perkaitan Antara Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Perlakuan Komunikasi Responden	121
26	Perkaitan Antara Sikap Terhadap Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Beberapa Ciri Demografi Responden	123
27	Perkaitan Antara Sikap Terhadap Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Perlakuan Komunikasi Responden	125
28	Perkaitan Antara Tanggapan Petani Terhadap Penggunaan Pendekatan Strategik Pelbagai Media Dan Pengetahuan, Sikap Serta Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	127
29	Perkaitan Antara Pengetahuan Mengenai Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Dan Media Program Pelbagai Media Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	129
30	Perkaitan Antara Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Dan Media Program Pelbagai Media Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	130
31	Perkaitan Antara Sikap Terhadap Teknologi Penanaman Limau Bali Dan Pendedahan Kepada Saluran Komunikasi Dan Media Program Pelbagai Media Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	132
32	Ujian-t Untuk Status Pengetahuan, Sikap Dan Amalan (Penerimaan Guna) Teknologi Penanaman Limau Bali Bagi Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media Dan Kawasan Pendekatan Pengembangan Konvensional	134



33	Perkaitan Antara Taraf Pelajaran, Taraf Pendapatan Dan Penglibatan Dalam Pertubuhan Dengan Status Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Teknologi Penanaman Limau Bali Di Kawasan Pendekatan Strategik Pelbagai Media	137
34	Perkaitan Antara Taraf Pelajaran, Taraf Pendapatan Dan Penglibatan Dalam Pertubuhan Dengan Status Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Teknologi Penanaman Limau Bali Di Kawasan Pendekatan Pengembangan Konvensional	138



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Proses Perancangan Komunikasi	40
2	Rangka Konsep Kajian	57
3	Peta Menunjukkan Kawasan Kajian	71

Abstrak Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PENDEKATAN STRATEGIK PELBAGAI MEDIA DAN PENDEKATAN
PENGEMBANGAN KONVENSIONAL DALAM PROGRAM
PENGEMBANGAN PERTANIAN:
SATU ANALISIS PERBANDINGAN**

OLEH

JAMALUDIN BIN YUSOFF

September, 1994

Pengerusi : Dr. Hj. Md. Salleh Hj. Hassan
Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan
Lanjutan (PPPL)

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui status pengetahuan, sikap dan amalan (penerimaan guna) teknologi penanaman limau bali selepas penggunaan pendekatan strategik pelbagai media dan penggunaan pendekatan pengembangan konvensional dalam pelaksanaan aktiviti pengembangan dan penyebaran maklumat program pembangunan tanaman limau bali di kawasan terpilih di negeri Kedah. Objektif khusus kajian ini ialah untuk mengetahui tanggapan petani terhadap penggunaan pendekatan strategik pelbagai media serta pendeda-



han terhadap setiap saluran komunikasi dan media khusus yang disediakan di kawasan yang menggunakan pendekatan strategik pelbagai media dan bagaimana pula kedua-dua faktor ini mempengaruhi status pengetahuan, sikap dan amalan (penerimaan guna). Perkaitan antara beberapa angkuabah demografi dan perlakuan komunikasi dengan status pengetahuan, sikap dan amalan turut menjadi objektif kajian ini.

Sampel rawak sebanyak 100 orang responden, di mana 50 mewakili kawasan yang menggunakan pendekatan strategik pelbagai media sementara 50 lagi mewakili kawasan yang menggunakan pendekatan pengembangan konvensional telah digunakan. Data telah dikumpul menggunakan borang soalselidik melalui temubual perseorangan.

Pada keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan berhubung dengan status pengetahuan, sikap dan amalan antara kawasan pendekatan strategik pelbagai media dan pendekatan pengembangan konvensional. Walau bagaiman-

napun, status pengetahuan dan amalan (penerimaan guna) adalah jauh lebih ketara perbezaannya berbanding dengan status sikap.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa perbezaan faktor taraf pelajaran dan penglibatan dalam pertumbuhan di kawasan pendekatan pengembangan konvensional mempengaruhi status pengetahuan, sikap dan amalan. Di kawasan pendekatan strategik pelbagai media, perbezaan taraf pelajaran tidak mempengaruhi status pengetahuan, sikap dan amalan. Ini mungkin memperlihatkan kemampuan pendekatan strategik pelbagai media dalam mengurangkan kesan jurang komunikasi.

Peningkatan status pengetahuan dan amalan yang sangat dipengaruhi oleh sejauh mana golongan sasaran terdedah kepada berbagai saluran komunikasi yang disediakan turut dibuktikan dalam hasil kajian ini. Di samping itu pengesahan kekuatan saluran komunikasi media massa dalam menghasilkan kesan pengetahuan atau memberi kesedaran dan kekuatan saluran komunikasi antara perseorangan dalam menghasilkan kesan amalan atau penerimaan guna juga turut ditunjukkan dalam temuan kajian ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**STRATEGIC MULTIMEDIA APPROACH AND CONVENTIONAL
EXTENSION APPROACH IN AGRICULTURE EXTENSION:
A COMPARITIVE ANALYSIS**

BY

JAMALUDIN YUSOFF

September, 1994

Chairman : Dr. Hj. Md. Salleh Hj. Hassan
Faculty : Centre for Extension and Continuing
Education

The study aimed to find out the status of knowledge, attitude, and practice (adoption) resulting from the utilisation of strategic multimedia approach and the conventional extension approach in the implementation of extension and information dissemination activities of pomelo development programme in selected areas of Kedah.

The main objectives of the study were to determine farmers' perception toward strategic multimedia approach and their exposure to the various commu-



cation channels made available in the area where strategic multimedia approach is utilised and to understand how these two factors influenced the status of knowledge, attitude and practice. Correlation between several demographic variables and communication behaviour with the status of knowledge, attitude and practice were also included as the objectives of this study.

Samples of 50 respondents from the area exposed to the strategic multimedia approach and 50 respondents from the area exposed to the conventional extension approach were taken. Data were collected through personal interview using questionnaires.

The results of the study showed a significant difference with reference to the knowledge, attitude and practice status between respondents in the areas exposed to strategic multimedia approach compared to the areas exposed to the conventional extension approach. However, the difference related to knowledge and practice were highly significant compared to those related to attitude.



The study also revealed that the difference in the educational level and organisational participation among farmers in the area not exposed to strategic multimedia approach influenced the status of knowledge, attitude and practice. However differences in educational level did not influenced the status of knowledge, attitude and practice in areas exposed to the strategic multimedia approach. This might explained the ability of the strategic multimedia approach in narrowing the communication effect gap.

The status of knowledge and practice which was supposed to be highly influenced by the degree of exposure to the various communication channels used was also proven in this study.

The strength of the mass communication channel to generate the effect on knowledge and awareness as well as the strength of interpersonal communication channel to generate effect on practice were confirmed in this study.



BAB 1

PENDAHULUAN

Menyedari hakikat bahawa program-program pembangunan khususnya pembangunan pertanian dan luar bandar amat kritikal dijayakan demi kesejahteraan penduduk dan masyarakat luar bandar, maka usaha yang lebih gigih dan dinamik dalam pelaksanaannya memerlukan perhatian yang sewajarnya.

Bidang pengembangan sebagai yang kita kenali di Malaysia telah pun menjadi suatu proses dan kaedah yang digunakan oleh berbagai agensi pembangunan dalam melaksanakan usaha pembangunannya. Bidang pembangunan pertanian adalah merupakan pengasas dalam penggunaan pengembangan sebagai landasan pelaksanaannya. Bidang pembangunan lain yang telah mula turut menggunakannya termasuklah kesihatan awam dan pendidikan penduduk.

Mengikut Sulaiman dan Maimunah (1993), pengembangan pertanian adalah aktiviti terancang untuk pemin-
dahan pengetahuan, kemahiran dan sikap para petani yang dijalankan oleh sesebuah agensi untuk mencapai

sesuatu tahap pembangunan pertanian yang menggunakan pelbagai kaedah komunikasi. Sehubungan dengan ini, suatu pendekatan pengembangan adalah kombinasi strategi dan kaedah tertentu yang dibentuk untuk memastikan aktiviti pengembangan di dalam sesuatu kawasan adalah berkesan.

Pendekatan Pengembangan Konvensional Jabatan Pertanian

Sejak penubuhan Jabatan Pertanian pada tahun 1905, pengembangan pertanian adalah satu tugas utama Jabatan Pertanian. Dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua dan selepas merdeka, pengembangan pertanian adalah melalui pendekatan secara individu dengan pegawai pengembangan melawat keluarga tani untuk memberi khidmat nasihat dan demonstrasi ladang. Pendekatan ini diperkukuhkan dengan mengadakan latihan di Pusat Latihan Pertanian yang diwujudkan di negeri-negeri. Cara ini memerlukan peruntukan kewangan yang besar serta peralatan yang banyak dan bilangan pegawai yang ramai. Seajar dengan ini, Jabatan Pertanian telah mengkaji semula pendekatan ini dan telah mengwujudkan Pertubuhan Peladang pada awal tahun 1970-an sebagai salah satu landasan memberi khidmat penaembanaan (Jabatan Pertanian, 1993).

Pendekatan pengembangan yang dijalankan pada ketika itu pada umumnya tidak berasaskan perancangan program yang teratur dan tersusun dan tidak berpandukan matlamat yang khusus. Selain daripada itu, terdapat juga masalah seperti kekurangan pakar bidang khas, latihan dan penyaluran teknologi baru untuk membantu pegawai pengembangan memberi nasihat kepada petani. Di samping itu, masalah juga timbul berhubung dengan kekurangan kemudahan infrastruktur dan sistem perhubungan yang teratur antara pegawai pengembangan dengan petani (Jabatan Pertanian, 1993).

Pada tahun 1973, dengan penubuhan Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Pertanian sekali mula mengambil langkah baru untuk memperkemaskan perkhidmatan pengembangannya. Hasilnya ialah penggunaan pendekatan Sistem Latihan dan lawatan (2L) mulai tahun 1976 sebagai satu mekanisme untuk menyalurkan teknologi kepada petani. Penggunaan Sistem 2L ini bertujuan untuk mengatasi dua masalah utama dalam kerja pengembangan iaitu meningkatkan sokongan teknikal melalui latihan kepada pegawai pengembangan dan mengwujudkan perhubungan yang sistematik melalui lawatan di antara pegawai pengembangan dan kumpulan petani (Jabatan Pertanian, 1993).